



Tinjauan

USAHA memupuk semangat kesedaran sivik di kalangan masyarakat bukanlah perkara mudah. Ia memerlukan ketegasan.

Mungkin ada yang berpendapat terlalu sukar untuk mengubah sikap manusia supaya mereka lebih berdisiplin.

Tetapi, tidak demikian kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memulakan tugasnya sebagai Perdana Menteri sejak 1981. Salah satu usaha yang diberi penekanan khusus ialah memupuk disiplin di kalangan masyarakat. Ini kerana kesedarannya bahawa bangsa yang bermaruah bermula daripada disiplin.

Salah satu perkara penting yang dilaksanakannya ketika mula mentadbir negara ialah mengenai kebersihan dan mewujudkan bandar taman.

Berita Harian meninjau kemajuan yang dicapai setakat ini di beberapa bandar terkemuka.

Oleh ZAINI ZAINUDDIN (Siri pertama daripada tiga bahagian)

Maruah juga *P. S. Mahathir Mohd.* bergantung kepada imej

BERSIH, Cekap dan Amanah ialah teras kerajaan. Inilah juga imej masyarakat Malaysia yang boleh membantu memperkenalkan negara ini kepada dunia.

Itulah sebabnya kerajaan mengeluarkan beberapa arahan bagi memastikan konsep awal meningkatkan semula maruah negara ini dilaksanakan bersungguh-sungguh.

Antara 12 arahan yang dikeluarkan ketika pentadbirannya ialah sistem kad perakam waktu, pejabat pelan terbuka, kepemimpinan melalui teladan, tanda nama, dilarang merokok dalam pejabat, sistem memperbaiki pengurusan harta benda kerajaan, peti cadangan, fail meja dan kawalan mutu.

Salah satu usahanya yang dapat dilihat di mana-mana sahaja sekarang ialah mewujudkan bandar taman.

Semua arahan itu bertujuan memastikan kakitangan kerajaan menjaga tatatertib ketika bertugas bagi meningkatkan mutu kerja.

Secara langsung, ia melahirkan sikap rajin bekerja dan bertanggungjawab di kalangan masyarakat, seterusnya menaikkan imej negara.

Bagi memastikan cita-cita ini dicapai, kerajaan terpaksa mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang gagal mematuhi peraturan atau melanggar tatatertib. Tindakan ini terpaksa diambil meskipun begitu 'pahit untuk ditelan'.

Pada 1984, 72 kakitangan kumpulan D dibuang kerja manakala dua pegawai kumpulan A diturun-

kan pangkat dan dibekukan kenaikan gaji mereka.

Jumlah ini meningkat pada 1985 apabila kira-kira 80 kakitangan perkhidmatan awam kumpulan D dibuang kerja dan lima pegawai kumpulan A diturunkan pangkat serta kenaikan gaji ditahan.

Sepanjang tahun itu juga, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam memproses 110 rayuan tatatertib terhadap pegawai dan kakitangan awam.

Jika dilihat secara halus, pertambahan ini menunjukkan bahawa arahan supaya kakitangan kerajaan menjalankan tugas dengan bersih, cekap dan amanah, gagal mencapai matlamatnya.

Tetapi, tindakan menghentikan perkhidmatan, menurunkan pangkat dan membekukan kenaikan gaji jelas membuktikan sikap tegas kerajaan.

Menyerap

Kata pepatah, alah bisa tegal biasa sedikit sebanyak menyerap ke dalam jiwa kakitangan kerajaan sekarang.

Jika dulu mereka heboh memperkatakan kad sistem perakam waktu yang membebankan, kini mereka sudah boleh menerimanya.

Arahan melarang merokok yang berkuatkuaasa pada Ogos 1982 juga mewujudkan suasana sihat dan bersih di dalam pejabat.

Tidak terkecuali ialah perbuatan rasuah, yang semakin berkurangan sekarang di kalangan kakitangan kerajaan.